

## ABSTRACT

### PERCEPTION OF TEACHERS TOWARD SUPERVISION OF TEACHING IN A SCHOOL IN KELANTAN

This research aims at finding out the perception of teachers toward teaching supervision and the relation between perception and teachers' demographic factor in terms of gender, age, academic qualifications and experience. This is relevant to the Ministry Of Education's hope that teaching supervision is important, also stressed by principals as "Instructional Leader" in school.

The respondents consist of 30 teachers from Sekolah Menengah Tok Janggut. They have been selected according to their subjects.

The data was collected through surveys and interviews with the respondents, principal and senior assistant for each field. Qualitative methodology was used to analyse data, by using 'cross-tabulation' and 'khi-square'.

The data analysis has shown that a majority of respondents are in favour of teaching supervision as it can improve a teacher's competence in achieving the objectives of teaching. Supervisor needs to be skillful and knowledgeable in supervising teachers.

From this case, we can see that there is no significant relation between perception and a teacher's demographic factor. In addition, the teachers much prefer the 'Clinical Supervision' model.

Therefore, it is suggested that teachers are more exposed to the concept and objectives of supervision whereas the supervisors need to possess skills in supervision including a good rapport with the teachers.

Due to a small number of respondents and the nature of research, the outcome cannot be generalised to all situations. Therefore, there is a need for a more comprehensive research, including a bigger number of respondents to portray a more comprehensive perception.

## ABSTRAK

### PERSEPSI GURU TERHADAP PENYELIAAN PENGAJARAN DI SEBUAH SEKOLAH DI KELANTAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah, di samping melihat hubungan antara persepsi dengan faktor demografi guru, iaitu jantina, umur, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar. Ini bersesuaian dengan penekanan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan terhadap pentingnya penyeliaan pengajaran guru di sekolah juga kerana adanya pelbagai tanggapan terhadap penyeliaan ini, khasnya oleh pengetua sekolah, sebagai pemimpin pengajaran di sekolah (Instructional Leader).

Responden dalam penyelidikan ini terdiri daripada 30 orang guru Sekolah Menengah Tok Janggut, Pasir Puteh, Kelantan yang dipilih mengikut bidang-bidang mata pelajaran. Data dikumpulkan melalui soal selidik dan temu bual dengan responden, pengetua dan ketua bidang. Metodologi kuantitatif digunakan untuk membuat analisis data dengan menggunakan 'cross-tabulation' dan 'khi-kuasa dua'.

Hasil analisis data menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan penyeliaan pengajaran, termasuk oleh pengetua kerana penyeliaan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru ke arah tercapainya objektif pengajaran. Responden juga berpendapat

penyelia perlu mempunyai kemahiran dalam bidang penyeliaan di samping pentingnya hubungan yang mesra dengan guru. Dari dapatan juga, didapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi dengan faktor demografi. Manakala, model "Penyeliaan Klinikal" adalah disukai oleh responden.

Dengan itu dicadangkan guru-guru lebih didedahkan kepada konsep dan objektif penyeliaan, di samping penyelia-penyelia perlu mempunyai kemahiran dalam aspek-aspek penyeliaan termasuk juga dapat mewujudkan hubungan yang mesra dengan guru-guru.

Oleh sebab penyelidikan ini bersifat tinjauan dan jumlah responden yang kecil bilangannya, maka hasil ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua keadaan sekolah dan perlunya satu penyelidikan yang komprehensif yang melibatkan satu sampel responden yang lebih besar dapat dijalankan untuk mendapat satu gambaran persepsi yang lebih komprehensif.